

Mahathir mahu petani menerima perubahan

Oleh
ROZAMAN ISMAIL dan KAMARUZAMAN MOHAMAD

SHAH ALAM 4 Sept. — Golongan peladang, penternak dan nelayan perlu bersedia menerima perubahan bagi memajukan diri dan kehidupan sesuai dengan perubahan zaman, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, perubahan itu pula mestilah disesuaikan dengan keadaan masa dan persekitaran hidup bagi mengelakkan mereka ketinggalan atau menjadi mundur.

“Tidak ada sesuatu yang kekal dalam keadaan statik, sama ada kita suka atau tidak, zaman akan tetap berubah termasuklah manusia ... yang muda menjadi tua dan yang tua akan menjadi lebih tua.

Sesuaikan diri

“Sekiranya kita tidak sesuaikan diri dengan perubahan masa kita akan terus mundur dan ketinggalan atau lenyap terus,” katanya ketika berucap merasmikan Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 1993, di Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam di sini, hari ini.

Kira-kira 5,000 peladang, penternak dan nelayan dari seluruh negara hadir pada majlis tersebut.

Turut hadir ialah Menteri Pertanian, Dato' Sri Sanusi Junid, Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad.

Lain-lain termasuklah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud, Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil

■ Lihat muka 4

Mahathir mahu petani terima perubahan

Yaacob, Menteri Besar Perlis, Dr. Hamid Pawanteh dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Ibrahim Saad.

Perdana Menteri berkata, dalam bidang pertanian, perubahan yang dimaksudkan termasuklah menukar cara dan sistem pertanian yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Katanya, kadang kala sesetengah orang beranggapan cara pertanian lama yang menggunakan kerbau untuk membajak lebih baik kerana ia adalah satu cara atau sistem yang telah berjaya pada zaman-dahulu.

"Bagaimanapun mereka lupa bahawa sistem pertanian itu sendiri sudah mengalami perubahan kerana masyarakat sebelum itu hanya menggunakan tangan untuk menanam tanpa peralatan seperti tenggala atau kerbau," katanya.

Lebih jauh lagi kata Perdana Menteri, masyarakat sebelum masyarakat yang menggunakan tangan dalam sistem pertanian mereka sebenarnya tidak menanam apa-apapun untuk bahan makanan sebaliknya memungut apa yang terdapat di sekeliling mereka sahaja sehingga dikenali sebagai 'masyarakat pengumpul.'

Dr. Mahathir berkata, sebagai manusia yang mempunyai akal fikiran mereka mula melihat, memerhati dan mempelajari daripada apa yang ada di sekeliling mereka khususnya tanaman yang menjadi bahan makanan.

"Golongan itu mula bercucuk tanam untuk mendapat bekalan makanan dan menggunakan peralatan pertanian yang lebih moden di kawasan yang lebih luas," katanya.

Perdana Menteri menambah, apabila bilangan penduduk negara semakin bertambah, para peladang, petani dan nelayan tidak lagi boleh menanam untuk cukup makan atau orang-orang di sekeliling mereka sahaja sebaliknya perlu untuk masyarakat lain yang lebih besar.

"Hakikatnya apabila penduduk semakin bertambah, kita tidak lagi boleh menggunakan cara lama untuk bercucuk tanam bagi meningkatkan bekalan makanan tetapi perlu menukar kepada cara yang lebih moden," kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, masyarakat peladang, petani dan nelayan di negara ini pada peringkat permulaan tidak perlu meneroka cara-cara baru dan moden itu kerana ia telah dicipta atau dihasilkan oleh pihak-pihak lain, sebaliknya hanya perlu meniru sahaja.

"Kemudian daripada itu bolehlah kita cipta sendiri kerana kita perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara lain juga untuk meningkatkan taraf hidup kita," ujar nva.

Selain itu kata Dr. Mahathir, perubahan kepada corak pertanian yang lebih moden perlu kerana bilangan peladang, penternak dan nelayan di negara ini juga semakin berkurangan kerana semakin ramai bertumpu kepada bidang pekerjaan lain yang lebih tinggi pendapatannya dan bersesuaian dengan taraf pendidikan yang mereka terima.

Sebagai contoh kata Perdana Menteri, anak-anak peladang, penternak dan nelayan kebanyakannya sudah menerima pendidikan sama ada di peringkat biasa atau tinggi di mana peluang untuk memperolehi pekerjaan lebih baik.

"Takkanlah mereka yang sudah berkelulusan tinggi hendak pulang menanam padi dan menangkap ikan. Sudah tentu mereka hendak buat kerja yang sesuai dengan pelajaran mereka. Yang tidak berpelajaran tinggipun ingin berhijrah untuk mencari pekerjaan yang lebih senang seperti bekerja di kilang-kilang," katanya.

Keadaan ini kata Dr. Mahathir akan mengurangkan lagi jumlah peladang, penternak dan nelayan sedangkan negara memerlukan lebih banyak bekalan makanan sesuai dengan jumlah penduduk negara yang semakin meningkat.

Oleh itu, jelas beliau, penghijrahan itu adalah hakikat perubahan yang perlu diterima dan apa yang mereka perlu lakukan sekarang hanyalah meyakinkan diri sendiri untuk membuat keputusan bahawa mereka boleh mengubah cara pengeluaran untuk memajukan lagi sektor pertanian.

"Dulu penduduk Malaysia hanya berjumlah 4 juta orang sahaja, sekarang 18 juta orang dan dianggarkan menjelang akhir abad ini bilangan itu akan meningkat kepada 20 juta orang.

Kalau kita masih mahu menggunakan cara pertanian lama sudah tentu tidak cukup untuk mengeluarkan bekalan makanan," jelasnya lagi.

Kementerian Pertanian sendiri katanya, telah merancang agar bidang pertanian dapat diperkembangkan secara moden termasuklah memperkenalkan pertanian dan penangkapan ikan secara komersil.